

Keluasan tanah Rizab Melayu di Selangor meningkat

Shah Alam : Tanah rizab Melayu di Selangor menunjukkan peningkatan lebih 29 peratus.

Menafikan dakwaan tanah rizab Melayu di Selangor berkurang, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim berkata, kerajaan negeri amat menitikberatkan pengurusan tanah rizab Melayu di Selangor yang telus dan teratur.

"Berdasarkan data yang direkodkan keluasan tanah rizab Melayu di Selangor menunjukkan peningkatan berbanding sebelum negara Merdeka.

"Sehingga Februari lalu, tanah rizab Melayu di Selangor seluas 401,568.41 ekar (162,508.97 hektar), meningkat sebanyak 29.13 peratus berbanding pada tahun 1948 seluas 310,969.76731 ekar (125,845.00 hektar)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Haris berkata, sehingga kini terdapat peningkatan dan penurunan data keluasan tanah rizab Melayu di Selangor dalam tempoh berkenan.

"Ini berikutan kesan pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu bagi tujuan pembangunan infrastruktur awam dan pengambilan semula tanah untuk kemudahan awam seperti pembinaan lebuh raya, lapangan terbang, loji rawatan air, dan sebagainya.

"Kerajaan negeri sentiasa berusaha secara berterusan untuk mengekalkan keluasan tanah rizab Melayu sedia ada.

"Keluasan sedia ada adalah masih dalam keadaan terkawal dan dipantau secara rapi di mana setiap pembatalan tanah rizab Melayu perlu digantikan," katanya.

Jelas beliau, pemantauan dibuat melalui pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bil. 7/2001 mengenai Dasar dan Garis Panduan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu dan Pekeliling PTGS Bil. 3/2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) semasa pengambilan tanah bagi tujuan awam atau kemudahan awam bagi kegunaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Selangor.

"Usaha ini mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Persekutuan melalui penerimaan Sijil Penghargaan Amalan Terbaik Pengumpulan Data Tanah Rizab Melayu yang disampaikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 3 Disember 2018," katanya.

Semalam, sebuah portal berita melaporkan dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi kononnya keluasan tanah rizab Melayu di Selangor turun mendadak.

-Berita Harian